

ONLINE NEWS

Online : Utusan Online

Date : 29 Januari 2018

Title : Guna laluan alternatif elak kesesakan

Guna laluan alternatif elak kesesakan



PELAN laluan alternatif kepada pengguna Lebuhraya Latar sempena Thaipusam pada Rabu ini. - UTUSAN ONLINE

Zulfadli Sharifudin

29 Januari 2018 8:01 PM



KUALA LUMPUR 29 Jan. - Pengguna Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (Latar) yang menuju ke Kuala Selangor diminta menggunakan laluan alternatif bagi mengelakkan kesesakan sempena sambutan Thaipusam pada Rabu ini.

Latar dalam kenyataan memaklumkan, pihaknya menjangkakan aliran trafik akan bergerak perlahan menuju ke pekan Kuala Selangor di laluan Jalan Sungai Buloh-Kuala Selangor (FT 54) selepas susur keluar persimpangan Ijok menuju ke Kuil Sri Subramaniam Swamy di Kuala Selangor.

Jelas kenyataan itu, acara kemuncak sambutan itu dijangka bermula pukul 9 pagi hingga pada 12.00 tengah hari.

"Pengguna boleh melalui laluan alternatif dengan menggunakan Jalan Saga, Ijok. Jalan Saga terletak hanya 800 meter dari susur keluar Lebuhraya Latar ke Kuala Selangor arah ke Sunjai Buloh.

"Jalan Saga-Jalan Rawang melalui Kampung Kuantan dan Kampung Sepakat terus menuju ke Kuala Selangor. Laluan ini adalah laluan alternatif ke Kuala Selangor tanpa melalui Simpang Tiga Assam Jawa," menurut kenyataan itu di sini hari ini.

Tambah kenyataan itu, pihak Latar mencadangkan para pengguna merancang perjalanan dan menggunakan laluan alternatif bagi mengelakkan kesesakan semasa sambutan Thaipusam di Kuil Sri Shakti Dhevasthanam.

"Pihak polis trafik turut membantu para pengguna bagi memastikan kelancaran lalu lintas," kata kenyataan tersebut. - UTUSAN ONLINE

ONLINE NEWS

Online : BERNAMA.COM
Date : 29 Januari 2018
Title : Jalan Saga Di Ijok, Selangor, Laluan Alternatif Latar
Ke Bandar Kuala Selangor



Jalan Saga Di Ijok, Selangor, Laluan Alternatif Latar Ke Bandar Kuala Selangor

Tarikh kemaskini: 30/01/2018

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Jalan Saga di Ijok, Selangor akan dijadikan laluan alternatif bagi perjalanan dari Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (LATAR) kerana dijangkakan aliran trafik menghala ke Pekan Kuala Selangor akan bergerak perlahan.

Menurut Bina Puri Holdings Bhd, laluan itu dicadangkan kepada pengguna sebagai langkah melancarkan perjalanan sempena sambutan Thaipusam pada Rabu ini, yang dijangka sesak.

"Pergerakan trafik akan bergerak perlahan selepas susur keluar Persimpangan Ijok (Exit 2501) menuju ke Kuil Sri Subramaniam Swamy bermula jam 9 pagi dan berakhir pada jam 12 tengah hari.

"Pengguna boleh menggunakan Jalan Saga yang hanya terletak 800 meter dari susur keluar Lebuhraya LATAR ke Kuala Selangor (arah ke Sg. Buloh)," menurut syarikat itu dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, Jalan Saga-Jalan Rawang melalui Kampung Kuantan dan Kampung Sepakat terus menuju ke Kuala Selangor adalah laluan alternatif ke Kuala Selangor tanpa melalui Simpang Tiga Assam Jawa....